

Pengurusan bilik darjah berkesan



MINDA PENDIDIK

MUHAMAD SUHAIMI TAAT

Bersama,
Mohd Yusof Abdullah, Baharom
Mohamad, Roslee Talip, Abdul Said
Ambotang dan Shukri Zain

UB 27.06.2012 B4

NTARA prasyarat yang paling utama bagi menjamin satu proses pengajaran dan pembelajarannya yang berkesan adalah aspek pengurusan bilik darjah. Setinggi mana pun ilmu dan kemahiran yang dimiliki oleh seseorang guru, akan menjadi sia-sia sekiranya tidak mampu untuk mengurus bilik darjah dengan baik. Pengurusan bilik darjah yang berkesan sebenarnya melibatkan pelbagai aspek seperti ciri peribadi seorang guru, rutin dan peraturan bilik darjah, iklim bilik darjah, dan hubungan antara aspek pengurusan dan pengajaran. Untuk menjadikan bilik darjah lebih kondusif, berkesan dan dapat diurus dengan cekap, guru hendaklah mempunyai sifat-sifat seorang pengurus yang baik seperti tegas, demokratik, pengasih, dan prihatin. Sebagai pengurus yang baik, tugas guru bukan hanya tertumpu kepada proses pengajaran semata-mata tanpa mengambil kira iklim dan persekitaran serta masalah-masalah semasa pelajar tetapi juga berusaha untuk mewujudkan iklim bilik darjah yang kondusif, sihat, dan positif untuk menggalakkan pembelajaran.

Sama ada sedar atau tidak, gaya kepimpinan guru dalam mengurus bilik darjah akan memberi kesan kepada iklim dan suasana persekitaran bilik darjah. Pengurusan yang berkesan akan memfokuskan kepada aspek-aspek seperti kemajuan pelajaran, interaksi dan penglibatan pelajar yang aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Untuk memastikan segala objektif dan matlamat yang ingin dicapai menjadi kenyataan, seorang guru hendaklah mengetahui dan memahami prinsip-prinsip pengurusan bilik darjah. Prinsip-prinsip ini adalah gabungan daripada sikap guru, rutin dan peraturan, iklim bilik darjah, dan aspek pengurusan yang mengutamakan pengajaran dan pembelajaran. Prinsip yang pertama adalah hubungan baik antara guru dengan pelajar. Oleh kerana pelajar dan guru yang berada dalam bilik satu bilik darjah berkongsi matlamat yang sama dalam proses pengajaran dan pembelajaran, maka kedua-dua belah pihak perlulah bekerjasama. Hubungan yang baik antara guru dan pelajar perlu diwujudkan agar guru dapat menyayangi pelajar sebagai individu yang memerlukan bimbingan, tunjuk ajar, dan pertolongan. Seterusnya pelajar pula perlulah menghormati guru sebagai individu yang akan membantu atau memberikan panduan. Prinsip kedua adalah kepercayaan dan sikap optimis guru. Guru sebagai pengurus perlu yakin dan percaya akan keupayaan mengendalikan kelasnya. Pelajar akan memberikan kerjasama dan bantuan sekiranya guru memperlihatkan kesungguhannya dalam menjalankan tugas tersebut. Justeru keikhlasan dan kegigihan guru adalah ditagih agar pelajar dapat merasakan bahawa guru betul-betul inginkan suasana bilik darjah yang merangsang proses pengajaran dan pembelajaran. Prinsip ketiga pula adalah bersikap adil dan positif kepada semua pelajar. Kerjasama antara guru dan pelajar sangatlah penting dalam pengurusan bilik darjah yang cekap dan berkesan. Oleh itu, untuk mendapatkan kerjasama daripada pelajar termasuk pelajar yang selalu membuat masalah, guru seharusnya bersikap positif terhadap semua pelajar. Pelajar yang bermasalah perlu diberi lebih perhatian, dan bukannya disisihkan atau tidak dipedulikan. Tunjukkan kepada mereka bahawa sikap mereka yang tidak digemari, bukannya diri mereka. Biasanya apabila mereka sedar bahawa guru mengambil berat tentang mereka, mereka akan lebih bersifat terbuka, mudah berkongsi masalah dan sedia mengubah perlakuan mereka yang negatif.

Dari sudut pengurusan di sekolah atau di mana-mana organisasi, terdapat dua istilah iaitu langkah 'corrective' (memperbaiki) dan 'preventive' (mencegah). Bagi seorang guru, mencegah perlakuan negatif pelajar adalah lebih baik daripada mengambil tindakan untuk merawat atau memperbaikinya. Sikap proaktif guru dalam mewujudkan suasana yang kondusif di bilik darjah akan berupaya menghalang perlakuan devian pelajarnya.

Beberapa langkah awal boleh dilaksanakan bagi memastikan sikap positif pelajar. Langkah pertama yang boleh diambil adalah dengan menetapkan rutin dan peraturan bilik darjah. Rutin dan peraturan yang telah ditetapkan oleh guru dan telah dipersejutui oleh semua pelajar haruslah diamalkan dan dipatuhi. Sekiranya rutin dan peraturan dapat diamalkan dan dipatuhi oleh semua warga bilik darjah, maka aspek kawalan dan disiplin pelajar akan dapat dipertingkatkan sekali gus menjadikan pelajar lebih berdisiplin. Apa yang diharapkan adalah pelajar akan menjadi seorang yang 'disiplin kendiri'. Langkah kedua pula adalah menetapkan prosedur pengurusan yang tegas. Untuk menjadi pengurus bilik darjah yang berkesan, guru perlu tegas dalam melaksanakan segala peraturan dan rutin yang telah ditetapkan. Pelajar yang melanggar rutin harus dihukum mengikut prosedur yang ditetapkan. Kelonggaran atau kelemahan melaksanakan segala peraturan rutin ini akan mengurangkan rasa hormat pelajar terhadap guru. Namun pelaksanaan dendaan atau hukuman tersebut haruslah dijalankan dengan penuh kebijaksanaan. Apa yang lebih penting adalah pelajar sedar kesilapan mereka dan tidak akan mengulanginya lagi di masa hadapan (disiplin kendiri). Seterusnya langkah ketiga adalah memberi dorongan positif kepada para pelajar.

Dari aspek psikologi, pelajar adalah remaja biasa yang suka mencuba sesuatu yang baharu dan suka diberikan perhatian. Justeru, sebagai pengurus bilik darjah, guru perlu memberi dorongan dan motivasi kepada pelajar setiap masa. Pelakuan positif yang mereka perlihatkan walaupun kecil perlu diberi pujian atau penghargaan yang sewajarnya kerana perlakuan yang positif itu apabila diberi pujian akan meningkat kekerapannya.

Selain mengetahui dan memahami serta mampu mengamalkan prinsip-prinsip pengurusan bilik darjah, guru juga perlu meneliti faktor-faktor lain dalam pengurusan bilik darjah yang berkesan.

Terdapat pelbagai faktor yang perlu diambil kira oleh seorang guru sebagai pengurus. Faktor-faktor tersebut akan dibincangkan dalam ruangan yang akan datang.

* Penulis adalah Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, UMS